

## **BAB EMPAT**

**TREND-TREND TANGGAPAN  
KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM  
TERHADAP PRINSIP-PRINSIP  
PENGURUSAN ISLAM**

## BAB 4

### TREND-TREND TANGGAPAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM TERHADAP PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN ISLAM

Dalam bab ini, fokus akan diberikan kepada menganalisis trend-trend tanggapan kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Laporan ini akan tertumpu kepada perbincangan tentang analisis borang soal-selidik yang telah diisi. Ia akan dibahagikan kepada 8 bahagian utama:

1. Membincangkan tentang latarbelakang responden.
2. Tahap kefahaman kakitangan perkhidmatan awam terhadap Prinsip-prinsip Pengurusan Islam.
3. Perkaitan dan perbezaan antara tahap kefahaman dengan latarbelakang responden.
4. Perkaitan dan perbezaan antara tahap kefahaman dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman.
5. Corak tanggapan kakitangan terhadap Prinsip-prinsip Pengurusan Islam.
6. Perkaitan dan perbezaan antara corak tanggapan dengan latarbelakang responden.
7. Perkaitan dan perbezaan antara corak tanggapan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman.
8. Perbezaan antara tahap kefahaman dengan corak tanggapan.

Semua responden terdiri dari kalangan kakitangan perkhidmatan awam.

Sebanyak 140 set borang soal-selidik telah diedarkan namun hanya 91 set sahaja yang dapat dikumpulkan semula.

#### **4.1 LATARBELAKANG RESPONDEN**

(Rujuk Bahagian A: Borang Soal-selidik)

##### **4.1.1 Bangsa dan Agama**

Daripada 140 set borang soal-selidik yang telah diedarkan, sebanyak 10% atau 14 set telah diedarkan kepada golongan bukan Islam. Jumlah yang kecil ini dipilih memandangkan majoriti daripada kakitangan perkhidmatan awam adalah di kalangan yang beragama Islam. Tambahan pula, keutamaan kajian ini diberikan kepada golongan yang beragama Islam memandangkan isu kajian adalah berkisar Pengurusan berteraskan Islam.

Hasil kutipan mendapati bahawa kesemua 91 orang responden yang telah menghantar semula borang soal selidik ini adalah dari kalangan mereka yang berbangsa Melayu dan beragama Islam (100%). Satu perbincangan ringkas telah dilakukan dengan beberapa orang responden yang bukan beragama Islam dan didapati terdapat beberapa faktor yang menyebabkan borang soal selidik itu tidak dapat dikutip semula. Antara faktor utamanya termasuklah kesempitan waktu kerana tugas yang terlalu banyak, tidak berminat untuk mengisinya kerana

soalannya dilihat lebih mengkhusus kepada mereka yang beragama Islam dan tidak mempunyai pengetahuan langsung dalam bidang pengurusan Islam.

#### 4.1.2 Umur

Analisis menunjukkan julat umur responden adalah dalam lingkungan 20 - 50 tahun. Daripada 91 orang responden, didapati bahawa golongan yang berumur di antara 20 -29 tahun adalah golongan yang paling ramai terlibat dalam kajian ini. Pemerhatian yang dilakukan mendapati golongan muda ini lebih berminat meluangkan masa untuk memberi kerjasama dan mengisi borang soal selidik yang diedarkan. Jadual dibawah menunjukkan tingkat umur responden.

Jadual 4.1 : Maklumat Latar Belakang Umur Responden

Umur	Frekuensi	Peratus	n (%)
			Keseluruhan (n=91)
20 - 29 tahun	55	60.4%	
30 - 39 tahun	27	29.7%	
40 - 50 tahun	9	9.9%	

Sumber: Borang soal selidik

#### **4.1.3 Jantina**

Berdasarkan kepada pembahagian jantina, responden perempuan lebih banyak terlibat dalam kajian ini berbanding dengan responden lelaki. Walaupun secara kasarnya borang soal-selidik yang diedarkan adalah hampir sama bilangannya antara lelaki dan perempuan, namun responden wanita didapati lebih berdisiplin dalam memulangkan semula borang yang telah diedarkan. Jadual berikut menunjukkan pembahagian jantina antara lelaki dan perempuan.

**Jadual 4.2 : Maklumat Latar Belakang Jantina Responden**

Jantina	Frekuensi	n (%)
		Keseluruhan (n=91)
Lelaki	37	40.7%
Perempuan	54	59.3%

Sumber: Borang soal selidik

#### **4.1.4 Tahap Pendidikan dan Jawatan**

Hasil kajian menunjukkan bahawa 46 atau 50.5% adalah pemegang Ijazah dan selebihnya 45 atau 49.9% hanyalah mendapat pendidikan sehingga setakat SPM / STPM sahaja. Status jawatan pula menunjukkan bahawa 37 atau 40.7% adalah dari golongan Pengurusan dan Professional, 45 atau 49.5% adalah dari

kelas sokongan dan selebihnya 9 atau 9.9% adalah dari lain-lain pengkelasan. Analisis menunjukkan bahawa golongan yang mendapat pendidikan hingga setakat SPM / STPM sahaja, semuanya memegang jawatan dalam kelas sokongan. Daripada 45 orang yang memiliki Ijazah, sebanyak 37 adalah dari golongan Pengurusan dan Professional dan selebihnya berkhidmat sebagai Pegawai Sambilan Kerajaan.

Trend yang diperolehi ini adalah sesuatu kebiasaan dan ia memang wujud dalam mana-mana sektor awam sekalipun. Secara kesimpulannya, jadual dibawah menunjukkan tahap pendidikan dan jawatan yang telah dimaksudkan.

Jadual 4.3: Maklumat Latar Belakang Pendidikan dan Jawatan Responden

			n (%)
Keseluruhan (n=91)			
Jawatan			
Sokongan	Pengurusan &	Lain-lain	
	Professional		
Pendidikan			
SPM/STPM	45	-	-
Ijazah	-	37	9

Sumber: Borang soal selidik

#### **4.1.5 Jangkamasa Berkhidmat**

Jangkamasa yang dimaksudkan adalah jangkamasa berapa lama responden telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Responden yang paling banyak terlibat dalam kajian ini adalah dari kalangan yang telah berkhidmat kurang dari 2 tahun. Didapati juga tidak ada seorang pun responden yang telah berkhidmat selama 6 - 15 tahun. Pemerhatian yang dibuat mendapati golongan yang berkhidmat kurang dari 2 tahun lebih berminat untuk memberi kerjasama dalam kajian ini. Ini kerana kebanyakan dari golongan ini baru memulakan karier serta baru menghabiskan pengajian mereka. Semangat ingin membantu penuntut-penuntut universiti membuat penyelidikan masih tebal dalam diri mereka. Jadual dibawah menerangkan dengan lebih terperinci apa yang dimaksudkan.

**Jadual 4.4: Maklumat Latar Belakang Jangkamasa Berkhidmat Responden**

<b>Jangkamasa Berkhidmat</b>	<b>n (%)</b>	
	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<b>Keseluruhan (n=91)</b>		
Kurang dari 2 tahun	46	50.5%
2 - 5 tahun	18	19.8%
Lebih 15 tahun	27	29.7%

Sumber: Borang soal selidik

#### **4.2 TAHAP KEFAHAMAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM TERHADAP PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN ISLAM.**

Dalam bahagian ini, analisis telah dilakukan untuk mengenal pasti tahap kefahaman kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Untuk melihat tingkat kefahaman ini, 8 aspek telah dikemukakan di dalam borang soal-selidik. Aspek-aspek tersebut termasuklah:

- I. beberapa pernyataan umum berkaitan prinsip-prinsip pengurusan Islam,
- II. senarai prinsip-prinsip pengurusan Islam ,
- III. kefahaman tentang hak-hak individu dalam pengurusan Islam,
- IV. kefahaman terhadap konsep kebebasan,
- V. kefahaman terhadap konsep syura dan
- VI. Tiga soalan tambahan berkaitan dengan ciri-ciri asas dalam pengurusan Islam.

Responden diminta untuk memilih jawapan yang difikirkan sesuai. Terdapat beberapa pilihan jawapan yang telah disediakan dan hanya satu jawapan sahaja yang betul. Setiap jawapan yang betul dianggap bahawa responden memiliki pengetahuan tentang soalan-soalan yang telah diajukan. Jadual di bawah menunjukkan keputusan tentang tahap kefahaman responden.

Jadual 4.5 : Tahap kefahaman responden

	Betul Frekuensi (%)		Salah Frekuensi (%)	
1. Pernyataan umum berkaitan prinsip-prinsip pengurusan Islam	55	60.4%	36	39.6%
2. Senarai prinsip-prinsip pengurusan Islam	91	100%	0	0%
3. Konsep hak dalam pengurusan Islam	19	20.9%	72	79.1%
4. Konsep kebebasan	46	50.5%	45	49.5%
5. Konsep syura	0	0%	91	100%
6. Ciri-ciri asas dalam pengurusan Islam	91	100%	0	0%
7. Perkaitan erat antara pengurusan Islam dengan akhlak	91	100%	0	0%
8. Pemisahan antara nilai-nilai kemasyarakatan dengan pengurusan Islam	82	90.1%	9	9.9%

Sumber: Borang soal selidik

Dalam meniliti tahap kefahaman responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam secara menyeluruh, beberapa pernyataan umum telah diutarakan untuk menguji responden. Didapati bahawa 55 orang atau 60.4% daripada kakitangan perkhidmatan awam mendapat jawapan yang betul dan selebihnya iaitu 36 orang atau 39.6% menjawab dengan salah. Ini bererti, bilangan responden yang mempunyai asas yang kuat dalam pengurusan Islam masih belum boleh dibanggakan lagi.

Penilaian seterusnya telah dibuat dengan menyenaraikan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan pengurusan Islam dan prinsip-prinsip lain (yang tidak berkaitan dengan pengurusan Islam secara langsung). Hasil analisis menunjukkan semua responden iaitu 91 ataupun 100% menjawab dengan betul. Ini membuktikan bahawa kakitangan perkhidmatan awam mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk mengenalpasti sesuatu prinsip itu sama ada ia adalah prinsip-prinsip pengurusan Islam ataupun sebaliknya.

Apabila diajukan soalan yang berkaitan dengan kefahaman terhadap beberapa hak individu dalam pengurusan Islam, jumlah yang tidak mampu menjawab dengan tepat amat tinggi sekali. Daripada 91 orang responden yang telah mengisi borang soal-selidik ini, sebanyak 72 orang atau 79.1% daripadanya menjawab dengan salah. Hanya sebanyak 19 orang atau 22.9% menjawab dengan betul. Ini menunjukkan bahawa kakitangan perkhidmatan awam tidak

mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang hak-hak mereka dalam organisasi seperti yang digariskan dalam Islam.

Tahap kefahaman kakitangan perkhidmatan awam terhadap konsep kebebasan yang ditekankan dalam prinsip-prinsip pengurusan Islam juga telah ditinjau. Satu soalan khusus telah diajukan dan didapati bahawa jumlah responden yang berpengetahuan dan jumlah yang kurang berpengetahuan hampir sama banyak bilangannya. Analisis menunjukkan bahawa 46 orang atau 50.5% menjawab dengan betul dan selebihnya iaitu 45 orang atau 49.5% tidak menjawab dengan tepat. Ini menunjukkan bahawa kakitangan awam masih keliru dengan konsep kebebasan yang ditekankan dalam pengurusan Islam.

Dalam mengenalpasti tingkat kefahaman responden terhadap konsep syura, beberapa pernyataan yang menerangkan definisi, ciri-ciri dan pendekatan yang berkaitan dengan syura telah diajukan. Responden diminta untuk memilih salah satu daripada 4 kombinasi jawapan yang telah disediakan. Hasil analisis menunjukkan bahawa tiada seorangpun responden yang mampu menjawab dengan betul. Kaedah menyenaraikan beberapa kombinasi jawapan ini akan menjadi sukar dijawab sekiranya responden tidak mempunyai pengetahuan yang menyeluruh. Hasil yang menunjukkan bahawa tiada seorangpun yang mampu menjawab dengan betul adalah disebabkan kurangnya pengetahuan secara menyeluruh tentang konsep syura ini.

Tingkat kefahaman kakitangan perkhidmatan awam terus diuji dengan 3 soalan tambahan yang berkaitan dengan ciri-ciri asas dalam Pengurusan Islam. Ia dimulakan dengan satu soalan umum yang berkaitan dengan ciri-ciri pengurusan Islam. Hasil analisis menunjukkan bahawa semua responden iaitu 100% dapat menjawab dengan betul. Ini menunjukkan semua responden mempunyai pengetahuan asas berkaitan ciri-ciri dalam Pengurusan Islam.

Soalan seterusnya pula berkaitan dengan hubungan yang erat di antara akhlak dengan pengurusan yang berteraskan Islam. Didapati bahawa semua responden menjawab dengan tepat dan bersetuju bahawa pengurusan yang berteraskan Islam adalah satu pendekatan yang mempunyai hubungan yang kuat dengan akhlak.

Soalan yang terakhir pula ialah dengan menguji tahap kefahaman responden tentang perkaitan di antara nilai-nilai kemasyarakatan dengan nilai-nilai dalam organisasi. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebilangan besar iaitu 82 orang atau 90.1% menjawab dengan betul dan sebanyak 9 orang atau 9.9% tidak menjawab dengan tepat. Responden yang menjawab dengan betul bererti mereka memiliki pengetahuan bahawa etika dan nilai-nilai kemasyarakatan sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan nilai-nilai dalam organisasi.

#### 4.3 TAHAP KEFAHAMAN SECARA MENYELURUH

Satu analisis telah dilakukan untuk menilai tahap kefahaman secara menyeluruh tentang prinsip-prinsip pengurusan Islam. Skor responden dikira berdasarkan jumlah bilangan jawapan betul yang telah diberikan. Setiap satu soalan yang betul, skor sebanyak 10 markah akan diberikan.

Dalam mengukur tahap kefahaman ini, penyelidik telah mengklasifikasikan kepada 4 tahap utama iaitu Baik, Sederhana, Kurang Baik dan Tidak Baik. Setiap tahap yang diutarakan mempunyai jumlah markah yang tersendiri. Jadual berikut menunjukkan apa yang dimaksudkan.

Jadual 4.6: Jumlah skor bagi tahap kefahaman

TAHAP	JUMLAH MARKAH
Baik	70 - 80 markah
Sederhana	50 - 60 markah
Kurang Baik	30 - 40 markah
Tidak Baik	0 - 20 markah

Hasil analisis menunjukkan bahawa sejumlah besar responden iaitu 60 orang memiliki kefahaman pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa

tahap penguasaan ilmu berkaitan pengurusan Islam masih tidak mencapai tahap kecemerlangan yang boleh dibanggakan. Bilangan responden yang berada pada tahap kurang baik juga agak ramai dan ini melambangkan pengetahuan yang sangat terbatas.

Daripada tinjauan yang dibuat, didapati bahawa tahap kefahaman di kalangan responden masih rendah. Kekeliruan dalam menentukan jawapan yang benar memaksa sebahagian responden menggunakan pendekatan meneka sahaja jawapan yang dirasakan logik. Ini membuktikan bahawa tahap penguasaan terhadap ilmu-ilmu pengurusan dalam Islam belum mencapai tahap yang baik lagi. Rajah di bawah menunjukkan tahap kefahaman kakitangan perkhidmatan awam secara menyeluruh tentang Prinsip-prinsip Pengurusan Islam.

Jadual 4.7: Tahap kefahaman responden secara menyeluruh

Tahap kefahaman	Frekuensi
1. Baik	11 orang
2. Sederhana	60 orang
3. Kurang Baik	20 orang
4. Tidak Baik	0

Sumber: Borang soal selidik

#### **4.4 PERKAITAN DAN PERBEZAAN ANTARA TAHAP KEFAHAMAN DENGAN LATARBELAKANG RESPONDEN**

Setiap responden mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini banyak bergantung kepada latarbelakang responden itu sendiri. Satu analisis telah dibuat untuk melihat perkaitan dan perbezaan antara tahap kefahaman responden dengan latarbelakang mereka. Jadual di bawah menunjukkan hasil kajian.

Jadual 4.8: Hasil ujian chi-square (menguji perbezaan) antara tahap kefahaman dengan latarbelakang responden

Latarbelakang	Nilai x	Nilai p	Keputusan
Jantina	16.013	.000	Signifikan
Umur	45.158	.000	Signifikan
Pendidikan	9.220	.010	Signifikan
Jawatan	20.043	.000	Signifikan
Jangkamasa berkhidmat	16.220	.003	Signifikan

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Merujuk kepada jadual di atas, semua nilai p adalah kurang dari 0.05. Nilai yang kurang dari 0.05 ( $p < 0.05$ ) menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara latarbelakang responden dengan tahap kefahaman mereka. Ini bermakna, dalam semua kategori latarbelakang responden, terdapat

perbezaan yang nyata dari segi tahap kefahaman mereka terhadap Prinsip-prinsip Pengurusan Islam.

Jadual 4.9: Hasil ujian korelasi (menguji perkaitan) bagi tahap kefahaman

Latarbelakang	Nilai r	Nilai p	Keputusan
Jantina	0.142	0.178	Tidak signifikan
Umur	0.358**	0.000	Signifikan
Pendidikan	-0.136	0.200	Tidak signifikan
Jawatan	0.053	0.620	Tidak signifikan
Jangkamasa berkhidmat	0.247*	0.018	Signifikan

\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.05$

\*\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.01$

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Dalam menguji perkaitan antara latarbelakang responden dengan tahap kefahaman mereka, hasil analisis mendapati wujudnya perkaitan yang signifikan antara tahap kefahaman dengan umur dan jangkamasa berkhidmat responden. Dengan kata lain, tahap kefahaman responden berdasarkan kumpulan umur dan jangkamasa berkhidmat menunjukkan perkaitan yang nyata diantara satu sama lain. Dalam pada itu, analisis juga menunjukkan bahawa tidak wujud satu perkaitan yang signifikan antara tahap kefahaman dengan jantina, jawatan serta pendidikan responden. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih dari  $0.05$  ( $p > 0.05$ ).

#### 4.4.1 Analisis antara tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan umur responden

Jadual 4.10: Analisis antara tahap kefahaman dengan umur responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Umur	45.158	.000	0.358**	.000

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.11: Tahap kefahaman dan umur responden

Tahap Kefahaman			
	Baik	Sederhana	Kurang Baik
20 - 29 tahun	10	34	11
30 - 39 tahun	1	26	0
40 - 50 tahun	0	0	9

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual di atas menunjukkan bahawa 10 daripada 11 orang responden yang memiliki tahap pengetahuan yang baik adalah dari golongan yang berumur

di antara 20- 29 tahun. Didapati juga bahawa semua kakitangan perkhidmatan awam yang terlibat dalam kajian ini yang berumur antara 40 - 50 tahun mempunyai tahap kefahaman yang kurang baik. Ujian chi-square telah dilakukan dan hasil analisis mendapati bahawa wujudnya perbezaan yang nyata terhadap tahap kefahaman antara sesuatu peringkat umur ( $p<0.05$ ). Dalam menguji perkaitan pula, hasil yang diperolehi adalah sama iaitu wujudnya perkaitan yang signifikan. Ini bermakna, satu kesimpulan boleh dilakukan dengan menyatakan bahawa lebih muda seseorang responden, lebih tinggi tahap kefahaman mereka terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Satu temubual telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai hasil analisis ini. Hasil perbincangan mendapati bahawa golongan muda (20 - 39 tahun) lebih terdedah dengan pengetahuan dan pendidikan berkenaan pengurusan Islam. Ini kerana, golongan ini lebih kerap dihantar untuk mengikuti beberapa penerangan yang berkaitan dengan Islam dalam organisasi. Mereka juga lebih kerap dipilih untuk menghadiri kursus-kursus yang diadakan oleh kerajaan. Tambahan pula, setiap kursus-kursus yang diadakan oleh kerajaan sekarang lebih banyak menekankan pendekatan Islam berbanding dengan kursus-kursus yang pernah dilalui oleh golongan yang telah berumur (40 - 50 tahun) suatu ketika dahulu. Satu kesimpulan boleh dilakukan dengan menyatakan bahawa terdapatnya perkaitan yang nyata di antara umur dengan tahap kefahaman responden.

**4.4.2 Analisis antara tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan jantina responden**

Jadual 4.12: Analisis antara tahap kefahaman dengan jantina responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Jantina	16.013	.000	0.142	0.178

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.13: Tahap kefahaman dan jantina responden

Tahap Kefahaman			
	Baik	Sederhana	Kurang Baik
Lelaki	10	17	10
Perempuan	1	43	10

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Seterusnya, analisis dilakukan dengan melihat perkaitan dan perbezaan antara tahap kefahaman dengan jantina responden. Jadual di atas menunjukkan bahawa responden lelaki yang mempunyai tahap kefahaman yang baik adalah seramai 10 orang. Berdasarkan hasil ujian chi-square, didapati bahawa wujudnya perbezaan yang signifikan antara tahap kefahaman dengan jantina

responden. Ini bermakna, tahap kefahaman antara responden lelaki dengan responden perempuan adalah berbeza secara nyata.

Walaubagaimanapun, dalam menguji perkaitan antara keduanya, didapati bahawa tidak wujud satu perkaitan yang signifikan. Dengan kata lain, agak sukar untuk menyatakan bahawa responden lelaki lebih memahami isu-isu berkaitan prinsip-prinsip pengurusan Islam berbanding dengan responden perempuan. Ini berdasarkan nilai signifikan ( $p=0.178$ ) yang diperolehi daripada analisis dan sekaligus membuktikan bahawa tidak wujudnya perkaitan yang nyata antara tahap kefahaman dan jantina responden. Ini menunjukkan bahawa, tidak kira seseorang responden itu lelaki ataupun perempuan, jika mereka tidak mengambil inisiatif sendiri untuk mendalami ilmu-ilmu berkaitan pengurusan Islam, mereka tetap mempunyai tahap kefahaman yang rendah dan cetek dalam bidang pengurusan Islam ini.

#### **4.4.3 Analisis antara tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan pendidikan serta jawatan responden**

Jadual 4.14: Analisis antara tahap kefahaman dengan pendidikan serta jawatan responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Pendidikan	9.220	.010	-0.136	0.200
Jawatan	20.043	.000	0.053	0.620

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.15 : Tahap kefahaman dengan jawatan dan pendidikan

	Tahap Kefahaman		
	Baik	Sederhana	Kurang Baik
1. Pengurusan Professional & Ijazah	10	16	11
2. Sokongan & SPM/STPM	1	35	9
3. Lain-lain & Ijazah	0	9	0

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Apabila analisis dibuat ke atas aspek jawatan dan tahap pendidikan, didapati bahawa 10 dari 11 orang responden yang mempunyai tahap kefahaman yang baik adalah datangnya dari golongan yang mempunyai ijazah dan bekerja di dalam kelas Pengurusan dan Professional. Dalam masa yang sama, kebanyakan responden yang mempunyai tahap kefahaman yang kurang baik juga datangnya dari golongan yang sama.

Hasil ujian chi-square mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan antara tahap kefahaman dengan pendidikan dan jawatan responden. Dengan

kata lain, wujudnya perbezaan yang nyata antara tahap kefahaman dengan tahap pendidikan seseorang responden.

Dalam menguji perkaitan antara keduanya pula, didapati bahawa tidak wujud perkaitan yang signifikan kerana hasil analisis menunjukkan nilai  $p > 0.05$ . Ini bermakna tahap kefahaman seseorang responden itu tidak dipengaruhi oleh pendidikan akademik mahupun jawatan yang disandang.

Hasil perbincangan mendapati bahawa golongan yang berjawatan tinggi tidak semestinya mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang pengurusan Islam. Ini kerana, jawatan yang disandang oleh responden datangnya dari pelbagai bidang pengkhususan dengan fokus dan target yang berbeza. Tambahan pula, dalam kebanyakan jawatan, pengetahuan berkenaan pengurusan Islam bukanlah sesuatu ilmu yang semestinya dikuasai sebelum dapat melaksanakan sesuatu tugas. Hasil perbincangan juga mendapati bahawa golongan yang berpendidikan tinggi juga tidak semestinya mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang pengurusan. Ini kerana, golongan yang memiliki ijazah ini adalah datangnya dari pelbagai bidang disiplin pendidikan dan tidak semua yang pernah didedahkan dengan ilmu pengurusan Islam secara formal semasa menuntut di peringkat universiti. Ini membuktikan bahawa hasil analisis yang menunjukkan tidak wujudnya perkaitan antara tahap kefahaman dengan pendidikan dan jawatan adalah benar dan tidak dapat disangkal lagi.

**4.4.4 Analisis antara tahap kefahaman terhadap Prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan jangkamasa berkhidmat responden**

Jadual 4.16: Analisis antara tahap kefahaman dengan jangkamasa berkhidmat responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Jangkamasa berkhidmat	16.220	.003	0.247*	0.018

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.17 : Tahap kefahaman dan jangkamasa berkhidmat

Tahap Kefahaman			
	Baik	Sederhana	Kurang Baik
Kurang 2 thn	10	25	11
2 - 5 tahun	1	17	0
Lebih 15 thn	0	18	9

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Hasil analisis mendapati bahawa kakitangan yang mempunyai pengalaman kurang dari 2 tahun mempunyai tahap kefahaman yang lebih baik berbanding dengan yang telah berkhidmat lebih dari 15 tahun.

Ujian chi-square telah dilakukan dan hasilnya mendapati wujudnya perbezaan yang nyata antara kedua-dua variabel yang diuji. Ini berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi iaitu  $p=0.003$ . Ujian korelasi pula menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan yang signifikan antara tahap kefahaman dengan jangkamasa berkhidmat seseorang responden.

Berdasarkan tinjauan yang dibuat, didapati bahawa golongan yang berkhidmat kurang dari 2 tahun adalah di kalangan kakitangan baru yang kerap dihantar menghadiri taklimat, penerangan, kursus, bengkel dan pelbagai program lain yang dianjurkan oleh kerajaan. Program-program ini sedikit sebanyak turut menyentuh elemen-elemen Islam dalam pengurusan dan perjalanan sesebuah organisasi. Atas dasar inilah golongan ini lebih terdedah dengan sedikit sebanyak pengetahuan tentang prinsip-prinsip pengurusan Islam. Dengan itu, satu kesimpulan boleh dibuat dengan menyatakan bahawa golongan yang berkhidmat kurang dari 2 tahun mempunyai tahap kefahaman yang lebih baik berbanding dengan kumpulan usia yang lain.

#### 4.5 PERKAITAN DAN PERBEZAAN ANTARA TAHAP KEFAHAMAN RESPONDEN DENGAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEFAHAMAN

Satu analisis telah dibuat untuk melihat perkaitan dan perbezaan antara tahap kefahaman responden dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman mereka. Jadual di bawah menunjukkan hasil kajian.

Jadual 4.18: Hasil ujian chi-square (menguji perbezaan) antara tahap kefahaman dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman

Faktor	Nilai x	Nilai p	Keputusan
Tabiat membaca	15.842	.000	Signifikan
Tabiat menonton	5.160	.076	Tidak signifikan
Kehadiran kursus	30.775	.000	Signifikan
Latarbelakang keluarga	41.000	.000	Signifikan

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Merujuk kepada jadual di atas, majoriti nilai p adalah kurang dari 0.05 kecuali bagi variabel tabiat menonton. Nilai yang kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ) menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman responden dengan tahap kefahaman mereka. Ini bermakna, dalam kategori tabiat membaca, menghadiri kursus-kursus dan latarbelakang agama keluarga, terdapat perbezaan yang nyata dari segi tahap kefahaman mereka terhadap Prinsip-prinsip Pengurusan Islam.

Jadual 4.19: Hasil ujian korelasi (menguji perkaitan) antara tahap kefahaman dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman

Faktor	Nilai r	Nilai p	Keputusan
Tabiat membaca	-0.070	0.511	Tidak signifikan
Tabiat menonton	-0.057	0.592	Tidak signifikan
Kehadiran kursus	<b>-0.564**</b>	0.520	Tidak signifikan
Latarbelakang keluarga	-0.329	0.10	Tidak signifikan

\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.05$

\*\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.01$

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Dalam menguji perkaitan antara faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman responden dengan tahap kefahaman mereka, hasil analisis mendapati tidak wujudnya perkaitan yang signifikan antara tahap kefahaman dengan semua variabel yang lain. Dengan kata lain, tahap kefahaman responden berdasarkan kumpulan tabiat membaca, tabiat menonton, kursus dan keluarga tidak menunjukkan perkaitan yang nyata diantara satu sama lain. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih dari 0.05 ( $p > 0.05$ ). Nilai r negatif yang diperolehi menujukkan wujudnya perkaitan songsang antara dua variabel yang dikaji.

#### 4.5.1 Analisis antara tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan tabiat membaca responden

Jadual 4.20: Analisis antara tahap kefahaman dengan tabiat membaca responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Tabiat membaca	15.842	.000	-0.070	0.511

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.21 :Tabiat membaca dan tahap kefahaman

Tahap Kefahaman			
	Baik	Sederhana	Kurang Baik
Bahan bacaan Ilmiah	11	44	9
Bahan bacaan Tidak Ilmiah	0	16	11

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 11 orang responden mempunyai tahap kefahaman yang baik. Didapati juga bahawa hampir separuh daripada responden iaitu sebanyak 44 orang mempunyai tahap kefahaman yang

sederhana sahaja. Ujian chi-square yang telah dilakukan menunjukkan wujudnya perbezaan yang nyata antara tabiat membaca dengan tahap kefahaman responden. Ini bermakna, responden yang gemar membaca bahan-bahan bacaan ilmiah mempunyai tahap kefahaman yang berbeza berbanding responden yang gemar membaca bahan-bahan bacaan tidak ilmiah.

Bagi menguji perkaitan antara keduanya, didapati bahawa tidak wujud perkaitan yang nyata antara tahap kefahaman dengan tabiat membaca. Ini berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih besar dari  $0.05$  ( $p>0.05$ ). Dengan kata lain, dapat disimpulkan bahawa tahap kefahaman seseorang responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam tidak dipengaruhi oleh tabiat membacanya.

Satu temubual telah dilakukan untuk mendapatkan gambaran lanjut mengenai hasil kajian ini. Didapati bahawa, kebanyakkan responden tidak cenderung dan tidak gemar membaca bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan pengurusan Islam. Walaupun sebahagian responden banyak membaca bahan-bahan ilmiah, tetapi mereka jarang sekali untuk menyentuh buku-buku yang berbentuk seni pengurusan Islam. Tahap kefahaman baik yang dimiliki oleh segolongan responden adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor lain dan bukannya kerana tabiat membaca mereka.

#### **4.5.2 Analisis antara tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan tabiat menonton responden**

Jadual 4.22: Analisis antara tahap kefahaman dengan tabiat menonton responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Tabiat menonton	5.160	.076	-0.057	0.592

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.23 : Tabiat menonton dan tahap kefahaman

Tahap Kefahaman			
	Baik	Sederhana	Kurang Baik
Bersifat Informasi	11	56	15
Bersifat Hiburan	0	4	5

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Analisis juga telah dilakukan untuk mengkaji perkaitan antara tahap kefahaman responden dengan tabiat menontonnya. Kajian ini dilakukan dengan menyenaraikan beberapa rancangan televisyen untuk melihat kecenderungan

dan bentuk rancangan yang digemari. Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang nyata antara tahap kefahaman responden dengan tabiat menontonnya. Ujian korelasi yang dilakukan juga menunjukkan hasil yang sama iaitu tidak wujud satu perkaitan yang signifikan antara keduanya. Ini bermakna, tahap kefahaman seseorang responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam tidak dipengaruhi oleh tabiat menontonnya.

Satu pertemuan dengan beberapa orang responden telah dilakukan untuk mendapatkan gambaran lanjut mengenai hasil analisis ini. Hampir kesemua responden sependapat dengan pengkaji bahawa ilmu-ilmu pengurusan Islam ini jarang sekali ditayangkan dalam rancangan-rancangan televisyen. Kupasan berkaitan ilmu pengurusan berteraskan Islam juga jarang dibicarakan dan dihidangkan untuk tatapan penonton. Atas dasar ini, walaupun responden sering menonton rancangan yang berbentuk informasi, tetapi ia bukan menjadi faktor penting dalam meningkatkan tahap kefahaman responden terhadap pengurusan Islam. Dengan ini, satu kesimpulan boleh dibuat dengan menyatakan bahawa tahap kefahaman responden tidak dipengaruhi oleh tabiat menontonnya.

#### 4.5.3 Analisis antara tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan latar belakang agama keluarga responden

Jadual 4.24: Analisis antara tahap kefahaman dengan latarbelakang agama keluarga responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Latarbelakang agama keluarga	41.000	.000	-0.329**	0.10

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Analisis seterusnya ialah dengan melihat perbezaan dan perkaitan antara tahap kefahaman responden dengan latarbelakang pendidikan agama keluarganya. Satu soalan diajukan untuk melihat tahap pendidikan/ ilmu agama yang dititikberatkan oleh keluarga responden. Hasil analisis menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan yang nyata antara kedua variabel. Ini berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi adalah kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ). Bagi menguji perkaitan antara tahap kefahaman responden tentang prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan latarbelakang pendidikan agama keluarganya, didapati bahawa tidak wujudnya hubungan yang signifikan antara keduanya.

Satu temubual telah dilakukan untuk mendapat penjelasan yang lebih lanjut mengenai hasil analisis ini. Hasil perbincangan mendapati bahawa

pendidikan agama yang banyak dititikberatkan oleh ibubapa adalah lebih kepada pengajian Al-Quran. Selebihnya, banyak berkaitan kepada pendidikan sekolah agama rakyat, kelas fardhu ain dan sebagainya. Di sini menunjukkan bahawa ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang-bidang yang lebih spesifik seperti prinsip-prinsip pengurusan berteraskan Islam banyak didapati bukan dari keluarga, sebaliknya perlu dicari sendiri di luar samada melalui perbincangan ataupun pembelajaran atas keinginan dan kecenderungan peribadi.

#### 4.5.4 Analisis antara tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan status kehadiran ke kursus-kursus berkaitan

Jadual 4.25: Analisis antara tahap kefahaman dengan status kehadiran ke kursus-kursus

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Kehadiran ke kursus	30.775	.000	-0.564**	0.520

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Analisis terakhir telah dibuat untuk mengenalpasti perbezaan dan perkaitan antara tahap Kefahaman responden dengan kursus-kursus yang pernah dihadiri. Daripada semua responden, didapati bahawa 55 orang atau

60.4% tidak pernah mengikuti apa-apa kursus yang berkaitan dengan pengurusan Islam. Manakala sebanyak 36 orang atau 39.6% didapati pernah mengikuti beberapa kursus yang telah di aturkan oleh kerajaan.

Apabila dilihat dari sudut perbezaan antara tahap kefahaman dengan kursus-kursus yang pernah dihadiri, didapati bahawa wujud perbezaan antara kedua-dua variabel. Ini bermakna, tahap kefahaman adalah berbeza antara responden yang pernah menghadiri kursus dengan responden yang tidak pernah menghadiri kursus.

Bagi hasil ujian korelasi pula, didapati bahawa tidak wujud satu perkaitan yang nyata antara tahap kefahaman dengan status kehadiran ke kursus.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang perkara ini, satu temubual telah dibuat dan didapati bahawa kebanyakan responden yang pernah menghadiri kursus tidak pernah berpeluang untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan prinsip-prinsip pengurusan Islam secara khusus. Kursus-kursus yang pernah dihadiri adalah yang berkaitan dengan Pengurusan Kualiti dari Perspektif Islam, Pengurusan Masa, Penerapan Nilai-nilai Islam dan sebagainya.

Ini jelas menunjukkan bahawa responden tidak pernah mendapat pendedahan mengenai prinsip-prinsip pengurusan Islam ini melalui kursus-kursus

yang mereka lalui. Oleh itu, tidak hairanlah jika hasil analisis menunjukkan bahawa tidak wujud satu perkaitan antara tahap kefahaman responden dengan kursus-kursus yang pernah mereka hadiri.

#### **4.6 TANGGAPAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM TERHADAP PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN ISLAM**

Satu analisis telah dilakukan untuk melihat corak tanggapan kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Kajian ini untuk mengenalpasti rentak dan cara responden berfikir apabila isu-isu yang berkaitan dengan prinsip-prinsip pengurusan Islam di utarakan.

Terdapat 8 aspek yang telah dikemukakan untuk melihat pandangan dan persepsi responden. Aspek-aspek tersebut termasuklah:

- I. tingkat kesedaran responden tentang peran pentingnya nilai-nilai Islam dipraktikkan dalam sesebuah organisasi,
- II. pandangan responden terhadap peranan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam organisasi,
- III. kepekaan responden terhadap kepentingan untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan pengurusan Islam,
- IV. pendapat umum berkaitan pengamalan prinsip pengagihan kuasa dalam sesebuah organisasi

- V. konsep syura
- VI. kepentingan menggunakan pendekatan Islam dalam semua urusan pentadbiran organisasi
- VII. kesesuaian pengamalan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam masyarakat berbilang bangsa,
- VIII. pandangan tentang keterlibatan kakitangan Perkhidmatan Awam dalam politik negara.

Responden diminta untuk memilih jawapan yang difikirkan selari dengan pandangan mereka. Terdapat 4 pilihan jawapan yang disediakan. Ia bermula dengan skala:

- I. Sangat Setuju,
- II. Setuju,
- III. Tidak Setuju
- IV. Sangat Tidak Setuju.

Hasil analisis tentang tanggapan responen terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dapat dilihat dalam jadual berikut.

Jadual 4.26 : Tanggapan responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam

Aspek-aspek yg dikemukakan	Sangat Setuju %	Setuju %	Tidak Setuju %
Nilai-nilai Islam dipraktikkan di dalam organisasi	60.4%	29.7%	9.9%
Menjamin proses pembangunan yg seimbang	40.7%	59.3%	0%
Kemestian untuk menghadiri kursus	40.7%	59.3%	0%
Pengamalan prinsip pengagihan kuasa	30.8%	69.2%	0%
Pendekatan berteraskan Islam	11%	29.7%	59.3%
Pengamalan konsep syura	30.8%	69.2%	0%
Tidak relevan di praktikkan dalam masyarakat majmuk	0%	0%	70.3%
Halangan untuk melibat diri di dalam politik	0	29.7%	50.5%

Sumber: Borang soal selidik

Dari aspek kesedaran kakitangan Perkhidmatan Awam terhadap kepentingan unsur-unsur dan nilai-nilai Islam dimasukkan dalam pengurusan organisasi, majoriti daripada responden bersetuju dan mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan prinsip-prinsip pengurusan Islam itu diperaktikkan. Ini dibuktikan dengan hasil analisis yang menunjukkan bahawa 55 orang atau 60.4% sangat setuju dan 27 orang atau 29.7% bersetuju. Sebilangan kecil iaitu sebanyak 9 orang atau 9.9% tidak bersetuju dan tiada seorang pun yang berpendirian sangat tidak setuju.

Apabila diajukan soalan tentang keyakinan responden terhadap Prinsip-prinsip Pengurusan Islam dan peranannya dalam mencapai proses pembangunan yang seimbang, semua responden bersetuju dengan kenyataan ini. Sebanyak 37 orang atau 40.7% sangat bersetuju dan 54 orang atau 59.3% setuju dan ini melambangkan keyakinan yang tinggi terhadap peranan prinsip-prinsip pengurusan Islam. Responden juga mampu melihat hubungkait antara prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan suatu bentuk proses pembangunan yang seimbang.

Seterusnya, responden diminta untuk memberi pandangan peribadi mereka tentang kepentingan setiap responden dihantar untuk mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan Islam. Didapati bahawa 37 orang atau 40.7% sangat bersetuju dan sebanyak 54 orang atau 59.3% bersetuju. Ini bermakna, responden melihat bahawa kursus-kursus yang berkaitan dengan

pengurusan Islam penting dalam memberi pendedahan dan input-input kepada semua kakitangan.

Dari aspek pengamalan prinsip pengagihan kuasa dalam organisasi, 28 orang atau 30.8% responden sangat bersetuju dan sebanyak 63 orang atau 69.2% bersetuju. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang kepentingan prinsip pengagihan kuasa dilaksanakan bagi menjamin kelancaran dalam proses pengurusan organisasi.

Satu soalan khas telah diutarakan untuk mendapatkan corak tanggapan responden tentang pengamalan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam organisasi yang sedang mereka berkhidmat. Ini adalah untuk melihat tahap perlaksanaannya dalam sesebuah organisasi kerajaan. Soalan diajukan dengan meminta responden memberi pandangan mereka terhadap perlaksanaan konsep dan pendekatan pengurusan yang berteraskan Islam di dalam organisasi mereka. Hasil soal-selidik mendapati 54 orang atau 59.3% berpendirian tidak bersetuju bahawa organisasi tempat mereka berkhidmat banyak mengamalkan pendekatan Islam. Ini menunjukkan responden merasa bahawa prinsip-prinsip pengurusan Islam masih kurang dilaksanakan dalam organisasi tempat mereka sedang bekerja. Dalam pada itu, sebanyak 27 orang atau 29.7% bersetuju dan 10 orang atau 11% sangat bersetuju bahawa pendekatan pengurusan yang berteraskan Islam memang telah dilaksanakan di dalam organisasi mereka.

Seterusnya, responden diuji dengan melihat keyakinan mereka terhadap kepentingan untuk mengamalkan konsep syura dalam organisasi. Didapati bahawa semua responden mempunyai corak tanggapan yang positif terhadap isu perlaksanaan konsep syura ini. Sebanyak 28 orang atau 30.8% berpendapat sangat setuju dan 63 orang atau 69.2% bersetuju bahawa konsep syura ini amat penting untuk dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa responden mampu untuk melihat perkaitan antara konsep syura dan kesannya dalam menjamin kepuasan kerja dan kesejahteraan semua kakitangan dalam organisasi.

Soalan berikutnya ialah berkaitan dengan kesesuaian perlaksanaan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam masyarakat majmuk. Responden yang menjawab sangat tidak bersetuju bermaksud mereka sangat tidak setuju bahawa amalan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam organisasi yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa akan menganggu keberkesanan pengurusan yang dijalankan. Daripada analisis yang dibuat, didapati 64 orang atau 70.3% tidak setuju dan sebanyak 27 orang atau 29.7% sangat tidak setuju. Ini menunjukkan responden berkeyakinan bahawa prinsip-prinsip pengurusan Islam amat sesuai untuk dilaksanakan dalam semua organisasi tidak kira penganut beragama Islam ataupun organisasi-organisasi yang mempunyai kakitangan dari pelbagai bangsa.

Bagi soalan yang terakhir, responden ditanya tentang penglibatan kakitangan perkhidmatan awam dalam politik. Responden diminta menyatakan pendirian mereka terhadap halangan untuk terlibat dalam politik kepada semua

kakitangan perkhidmatan awam. Responden yang menjawab sangat tidak setuju bermaksud mereka sangat tidak bersetuju terhadap larangan berpolitik dan berpendapat bahawa ia adalah sebahagian dari hak individu yang tidak boleh disekat. Daripada analisis yang dibuat, didapati bahawa 18 orang atau 19.8% menjawab sangat tidak setuju dan sebanyak 46 orang atau 50.5% responden berpendirian tidak setuju. Dalam pada itu, 27 orang atau 29.7% daripada responden bersetuju jika kakitangan dilarang untuk terlibat dengan politik bagi memastikan tidak berlakunya percanggahan pendapat di pejabat. Ini adalah berdasarkan pendirian peribadi responden mengenai baik buruknya kakitangan awam terlibat dalam politik.

#### **4.7 CORAK TANGGAPAN SECARA MENYELURUH**

Satu analisis telah dilakukan untuk menilai corak tanggapan responden secara menyeluruh tentang prinsip-prinsip pengurusan Islam. Setiap responden dikira berdasarkan jumlah markah yang telah disediakan untuk setiap jawapan. Bagi setiap soalan yang positif (soalan 1 - 6), skor yang diberikan ialah SS=(4), S=(3), TS=(2), STS=(1). Bagi soalah yang negatif pula (soalan 7 & 8) skornya ialah STS=(4), TS=(3), S=(2), SS=(1). Jumlah skor telah diklasifikasikan kepada empat tahap. Jadual berikut menunjukkan apa yang dimaksudkan.

Jadual 4.27 : Jumlah skor bagi corak tanggapan responden

Jawapan	Skor
1. Sangat Baik	28 - 32
2. Baik	24 - 27
3. Kurang Baik	16 - 23
4. Tidak Baik	8 - 15

Hasil analisis mendapati bahawa sebanyak 28 orang mempunyai corak tanggapan yang sangat baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dan yang selebihnya iaitu 63 orang mempunyai tanggapan yang baik. Ini jelas menunjukkan bahawa tidak seorang pun responden yang berfikir dan bertanggapan negatif terhadap kepentingan, pengamalan dan perlaksanaan prinsip-prinsip pengurusan Islam. Rajah dibawah menunjukkan hasil analisis yang telah dibuat.

Jadual 4.28: Corak tanggapan responden terhadap prinsip pengurusan Islam

Tahap	Frekuensi
1. Sangat Baik	28 orang
2. Baik	63 orang

Sumber: Borang soal selidik

#### **4.8 PERKAITAN DAN PERBEZAAN ANTARA CORAK TANGGAPAN DENGAN LATARBELAKANG RESPONDEN**

Setiap responden mempunyai corak tanggapan yang berbeza-beza mengikut aspek-aspek yang telah diutarakan dalam borang soal-selidik. Perbezaan ini banyak bergantung kepada latarbelakang diri di antara seorang responden dengan responden yang lain. Satu analisis telah dilakukan untuk melihat perkaitan dan perbezaan antara corak tanggapan responden dengan latar belakang mereka.

Jadual 4.29: Hasil Ujian Chi-Square (menguji perbezaan) antara corak tanggapan dengan latarbelakang responden

Latarbelakang	Nilai x	Nilai p	Keputusan
Jantina	0.410	0.522	Tidak Signifikan
Umur	4.452	0.108	Tidak signifikan
Pendidikan	4.847	0.028	Signifikan
Jawatan	13.808	0.001	Signifikan
Jangkamasa berkhidmat	17.520	0.000	Signifikan

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual di atas adalah hasil analisis bagi ujian chi-square. Didapati bahawa, terdapat perbezaan yang nyata antara corak tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan tahap pendidikan, jawatan dan jangkamasa berkhidmat seseorang responden. Ini berdasarkan nilai signifikan

yang diperolehi adalah kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ). Hasil kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara corak tanggapan dengan jantina dan umur.

Jadual 4.30: Hasil ujian korelasi (menguji perkaitan) antara corak tanggapan dengan latarbelakang responden

Latarbelakang	Nilai r	Nilai p	Keputusan
Jantina	-0.067	0.527	Tidak signifikan
Umur	0.172	0.102	Tidak signifikan
Pendidikan	0.231	0.028	Signifikan
Jawatan	0.386**	0.000	Signifikan
Jangkamasa berkhidmat	0.407**	0.000	Signifikan

\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.05$

\*\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.01$

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Dalam menguji perkaitan antara corak tanggapan responden dengan latarbelakang mereka, hasil analisis mendapati tidak wujudnya perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan jantina dan umur responden.

Dengan kata lain, corak tanggapan responden berdasarkan jantina dan umur tidak menunjukkan perkaitan yang nyata di antara satu sama lain. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih dari 0.05 ( $p>0.05$ ).

#### 4.8.1 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan umur responden

Jadual 4.31: Analisis antara corak tanggapan dengan umur responden

	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
Latarbelakang	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Umur	4.452	0.108	0.172	0.102

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.32 : Corak tanggapan dan umur

Tanggapan		
	Sangat Baik (Frekuensi)	Baik (Frekuensi)
Umur		
20 - 29 tahun	19	36
30 - 39 tahun	9	18
40 - 50 tahun	0	9

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Dalam aspek tahap umur, didapati bahawa sebanyak 19 orang responden yang berumur antara 20 – 29 tahun mempunyai corak tanggapan yang sangat baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Ujian chi-square telah dilakukan untuk melihat perbezaan antara corak tanggapan dengan umur responden. Hasil analisis mendapati tidak wujud perbezaan yang nyata antara kedua-dua variabel. Ini bermakna, corak tanggapan antara satu kumpulan umur, dengan satu kumpulan umur yang lain tidak menunjukkan perbezaan yang jelas.

Bagi menguji tahap perkaitan pula, didapati bahawa nilai signifikan adalah lebih besar dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini bermakna tidak wujud satu perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan umur responden. Dengan kata lain, corak tanggapan responden tidak dipengaruhi oleh tahap umur yang berbeza. Ini menunjukkan bahawa golongan yang telah berumur tidak semestinya mempunyai tanggapan yang sangat baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam, melainkan jika mereka lebih terdedah dengan suatu bentuk persekitaran yang benar-benar meletakkan Islam sebagai pegangan hidup.

#### **4.8.2 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan jantina responden**

Jadual 4.33: Analisis antara corak tanggapan dengan jantina responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Jantina	0.410	0.522	-0.067	0.527

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.34 : Corak tanggapan dan jantina

Tanggapan		
	Sangat Baik (Frekuensi)	Baik (Frekuensi)
Lelaki	10	27
Perempuan	18	36

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Seterusnya, analisis dilakukan dengan melihat perkaitan dan perbezaan antara corak tanggapan responden dengan latar belakang jantina. Analisis mendapati sebanyak 10 orang responden lelaki dan 18 orang responden perempuan mempunyai corak tanggapan yang sangat baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Ujian chi-square telah dilakukan untuk melihat

perbezaan antara corak tanggapan dengan jantina responden. Hasil analisis mendapati tidak wujud perbezaan yang nyata antara kedua-dua variabel. Ini bermakna, corak tanggapan antara lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang jelas. Bagi menguji tahap perkaitan pula, didapati bahawa nilai signifikan adalah lebih besar dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini bermakna tidak wujud satu perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan jantina responden. Dengan kata lain, corak tanggapan responden tidak dipengaruhi oleh jantina yang berbeza. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa faktor jantina ini tidak ada perkaitan yang nyata berbanding dengan faktor-faktor lain seperti tahap pendidikan, jawatan mahupun jangkamasa berkhidmat seseorang responden.

#### **4.8.3 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan pendidikan serta jawatan responden**

Jadual 4.35: Analisis antara corak tanggapan dengan tahap pendidikan dan jawatan responden

	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Latarbelakang	Nilai x	Nilai p	Nilai r
Pendidikan	4.847	0.028	0.231	0.028
Jawatan	13.808	0.001	0.386**	0.000

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.36 : Corak tanggapan dengan jawatan dan tahap pendidikan

Tanggapan		
	Sangat Baik (Frekuensi)	Baik (Frekuensi)
Pengurusan & Professional dan Ijazah	19	18
Sokongan dan SPM/STPM	9	36
Lain-lain dan Ijazah	0	9

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Apabila faktor pendidikan dan jawatan dianalisa untuk melihat perkaitan dan perbezaan dengan corak tanggapan, didapati bahawa sebanyak 19 orang daripada golongan yang berpendidikan tinggi dan memegang jawatan yang baik mempunyai corak tanggapan yang sangat baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Hasil analisis bagi ujian chi-square mendapati, wujudnya perbezaan yang signifikan antara corak tanggapan dengan pendidikan serta jawatan responden. Ini bermakna, perbezaan antara corak tanggapan responden dengan tahap pendidikannya adalah amat ketara.

Bagi menguji tahap perkaitan pula, ujian korelasi telah dilakukan terhadap kedua-dua variabel ini. Hasil analisis juga menunjukkan perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan tahap pendidikan dan jawatan responden. Ini berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi iaitu kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ). Dengan ini dapat disimpulkan bahawa lebih tinggi tahap pendidikan seseorang responden, lebih positif tanggapannya terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Hasil analisis ini adalah sesuatu perkara yang lazimnya berlaku. Ini juga melambangkan bahawa golongan yang berpelajaran tinggi mempunyai tahap keyakinan yang tidak berbelah bagi terhadap perlaksanaan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam sesebuah organisasi.

#### **4.8.4 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan jangkamasa berkhidmat responden**

Jadual 4.37: Analisis antara corak tanggapan dengan jangkamasa berkhidmat responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Jangkamasa berkhidmat	17.520	0.000	0.407**	0.000

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.38: Corak tanggapan dan jangkamasa berkhidmat

Tanggapan		
	Sangat Baik (Frekuensi)	Baik (Frekuensi)
Kurang 2 tahun	19	27
2 - 5 tahun	9	9
Lebih 15 tahun	0	27

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Apabila tempoh berkhidmat dan corak tanggapan responden diuji, didapati bahawa daripada 28 orang yang mempunyai tahap skor yang sangat baik, sebanyak 19 orang datang dari golongan yang berkhidmat kurang dari 2 tahun. Didapati juga tiada seorangpun responden yang telah berkhidmat lebih dari 15 tahun mempunyai corak tanggapan yang sangat baik.

Hasil analisis chi-square menunjukkan wujudnya perbezaan yang jelas antara corak tanggapan dengan jangkamasa berkhidmat seseorang individu. Keputusan yang sama juga diperolehi apabila ujian korelasi dilakukan. Didapati, wujudnya perkaitan yang nyata antara corak tanggapan dengan jangkamasa berkhidmat responden. Ini berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi ialah kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ).

Hasil analisis menunjukkan bahawa perkaitan yang dimaksudkan adalah, lebih kurang tempoh berkhidmat seseorang responden, maka lebih baik corak tanggapan mereka terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Perbincangan lanjut telah dilakukan dengan beberapa orang responden dan didapati bahawa golongan yang berkhidmat kurang dari 2 tahun ini lebih terdedah dengan suasana persekitaran yang lebih menekankan Islam sebagai satu panduan dalam menjalankan tugas harian. Persekutaran yang positif ini terbentuk hasil dari program-program serta pengisian-pengisian yang diterima oleh semua kakitangan yang baru. Pendedahan ini turut mempengaruhi tanggapan responden terhadap elemen-elemen Islam yang ingin diterapkan dalam organisasi mereka. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa golongan responden yang berkhidmat kurang dari 2 tahun mempunyai tanggapan yang lebih baik berbanding dengan yang lain.

#### **4.9 PERKAITAN DAN PERBEZAAN ANTARA CORAK TANGGAPAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEFAHAMAN RESPONDEN**

Satu analisis telah dibuat untuk melihat perkaitan dan perbezaan antara corak tanggapan responden dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman mereka. Jadual berikut menunjukkan hasil kajian.

Jadual 4.39: Hasil ujian chi-square (menguji perbezaan) antara corak tanggapan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman

Faktor	Nilai x	Nilai p	Keputusan
Tabiat membaca	17.062	.000	Signifikan
Tabiat menonton	4.439	.035	Signifikan
Kehadiran kursus	26.473	.000	Signifikan
Latarbelakang keluarga	59.027	.000	Signifikan

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Merujuk kepada jadual di atas, semua nilai p adalah kurang dari 0.05.

Nilai yang kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ) menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman responden dengan corak tanggapan mereka. Ini bermakna, dalam semua kategori terdapat perbezaan yang nyata dari segi corak tanggapan mereka terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Jadual 4.40: Hasil ujian korelasi (menguji perkaitan) antara corak tanggapan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman responden

Faktor	Nilai r	Nilai p	Keputusan
Tabiat membaca	0.433	0.000	Signifikan
Tabiat menonton	0.221	0.035	Signifikan
Kehadiran kursus	0.539**	0.023	Tidak signifikan
Latarbelakang keluarga	0.704	0.086	Tidak signifikan

\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.05$

\*\* Korelasi adalah signifikan pada  $p = 0.01$

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Dalam menguji perkaitan antara faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman responden dengan corak tanggapan mereka, hasil analisis mendapati wujudnya perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan tabiat membaca serta tabiat menontonnya. Dengan kata lain, corak tanggapan responden berdasarkan kumpulan tabiat membaca dan tabiat menonton menunjukkan perkaitan yang nyata diantara satu sama lain. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi adalah kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ).

#### **4.9.1 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan tabiat membaca responden**

Jadual 4.41: Analisis antara corak tanggapan dengan tabiat membaca

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Tabiat membaca	17.062	.000	0.433	0.000

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.42 : Corak tanggapan dan tabiat membaca

Tanggapan		
	Sangat Baik	Baik
Bahan Bacaan Ilmiah	28 orang	36 orang
Bahan Bacaan Tidak Ilmiah	0	27 orang

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Satu analisis telah dilakukan untuk melihat perbezaan dan perkaitan antara corak tanggapan responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan tabiat membacanya. Ujian chi-square yang dilakukan menunjukkan wujudnya perbezaan yang nyata antara corak tanggapan dengan tabiat membaca seseorang responden. Ini bermakna, corak tanggapan antara responden yang kerap membaca bahan bacaan ilmiah dengan responden yang membaca bahan bacaan tidak ilmiah adalah berbeza dengan jelas dan ketara sekali.

Ujian korelasi yang dilakukan juga menunjukkan perkaitan yang signifikan antara kedua variabel. Di sini, dapat disimpulkan bahawa golongan yang kerap membaca bahan bacaan ilmiah mempunyai persepsi yang lebih baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam berbanding dengan golongan yang membaca bahan bacaan tidak ilmiah.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kesemua responden yang mempunyai tanggapan yang sangat baik iaitu sebanyak 28 orang, adalah datang dari golongan yang kerap membaca bahan bacaan ilmiah. Ini membuktikan bahawa pengaruh bahan bacaan mampu membawa pemikiran pembaca kepada sesuatu perkara yang bersifat positif dalam kehidupan. Hasil analisis ini adalah sesuatu perkara yang lazimnya berlaku dalam kehidupan harian.

#### 4.9.2 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan tabiat menonton responden

Jadual 4.43: Analisis antara corak tanggapan dengan tabiat menonton responden

	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
Latarbelakang	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Tabiat menonton	4.439	.035	0.221	0.035

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual 4.44 : Corak tanggapan dan tabiat menonton

Tanggapan		
	Sangat Baik (Frekuensi)	Baik (Frekuensi)
Rancangan Bersifat	28	54
Informasi		
Rancangan Bersifat	0	9
Hiburan		

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Kajian seterusnya dibuat dengan melihat tabiat menonton responden. Ia dilakukan untuk melihat perbezaan dan perkaitan antara corak tanggapan responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dan tabiat menontonnya. Didapati bahawa golongan yang suka menonton rancangan-rancangan yang bersifat informasi seperti (Diskusi dan Al-Kuliah) mempunyai corak pemikiran dan tanggapan yang lebih baik berbanding dengan responden yang suka menonton rancangan yang bersifat hiburan dan drama semata-mata.

Hasil ujian chi-square mendapati wujudnya perbezaan yang jelas antara corak tanggapan dengan tabiat menontonnya ( $P<0.05$ )

Bagi melihat perkaitannya pula, hasil analisis ujian korelasi mendapati terdapat perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan tabiat menontonnya. Ini bermakna, dapat disimpulkan bahawa golongan yang gemar menonton rancangan televisyen berbentuk informasi mempunyai corak tanggapan yang lebih positif terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam berbanding dengan golongan yang gemarkan rancangan berbentuk hiburan. Ini adalah kerana setiap rancangan yang bersifat informasi itu berjaya menjana minda responden ke arah sesuatu yang lebih baik yang diperlukan dalam kehidupan seseorang. Hasil yang diperolehi ini juga adalah suatu trend yang lazimnya berlaku di mana-mana sahaja.

#### 4.9.3 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan status kehadiran ke kursus-kursus berkaitan

Jadual 4.45: Analisis antara corak tanggapan dengan status kehadiran ke kursus- kursus

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Kehadiran ke kursus	26.473	.000	0.539**	0.023

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Jadual di atas menunjukkan perbezaan dan perkaitan antara corak tanggapan responden dengan status kehadiran ke kursus-kursus yang dianjurkan oleh organisasi. Hasil ujian chi-square mendapat, corak tanggapan adalah berbeza dengan nyatanya antara responden yang pernah menghadiri kursus dengan responden yang tidak pernah menghadiri ke kursus. Ini berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi iaitu kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ).

Seterusnya, ujian korelasi telah dilakukan untuk melihat perkaitan antara dua variabel. Hasil analisis mendapat tidak wujudnya perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan status kehadiran ke kursus-kursus. Ini bermakna, corak tanggapan seseorang responden tidak dipengaruhi oleh status kehadirannya ke kursus-kursus yang pernah diikuti.

Ini menunjukkan bahawa samada responden itu pernah menghadiri kursus berkaitan ataupun sebaliknya, ianya tetap tidak mempengaruhi tanggapan mereka melainkan mereka ini berada di dalam suatu persekitaran yang sentiasa mementingkan Islam sebagai satu cara hidup.

#### 4.9.4 Analisis antara tanggapan terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan latarbelakang agama keluarga responden

Jadual 4.46: Analisis antara corak tanggapan dengan latarbelakang agama keluarga responden

Latarbelakang	Ujian Chi-Square		Ujian korelasi	
	Nilai x	Nilai p	Nilai r	Nilai p
Latarbelakang agama keluarga	59.027	.000	0.704	0.086

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

Satu analisis ujian chi-square dan korelasi telah dilakukan untuk melihat perbezaan dan perkaitan antara corak tanggapan dengan latarbelakang agama keluarga responden. Hasil kajian mendapati wujudnya perkaitan yang nyata antara corak tanggapan dengan latarbelakang agama keluarga responden. Ini berdasarkan nilai signifikan yang diperolehi adalah kurang dari 0.05 ( $p<0.05$ ).

Bagi melihat tahap perkaitan pula, ujian korelasi telah dilakukan dan didapati bahawa nilai signifikan lebih besar dari 0.05 ( $p>0.05$ ). Ini bermakna, tidak wujud satu perkaitan yang signifikan antara corak tanggapan dengan latarbelakang agama keluarga responden.

Ini membuktikan bahawa, walaupun latarbelakang agama keluarganya baik, sekiranya mereka ini tidak mengambil inisiatif sendiri untuk mendalami ilmu-ilmu pengurusan Islam ini, serta tidak menanamkan pemikiran yang positif terhadap elemen-elemen Islam, maka mereka tetap tidak akan mempunyai corak tanggapan yang sangat baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

#### **4.10 PERBEZAAN ANTARA TAHAP KEFAHAMAN DENGAN CORAK TANGGAPAN**

Satu analisis khusus dilakukan untuk melihat perbezaan antara tahap kefahaman responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam dengan corak tanggapan mereka. Hasil kajian mendapati bahawa responden yang mempunyai tahap kefahaman yang baik turut mempunyai corak tanggapan yang sangat baik terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Hasil analisis ini adalah sesuatu perkara yang lazimnya berlaku kerana golongan yang berpengetahuan, biasanya lebih memandang positif mengenai sesuatu perkara berbanding dengan golongan yang kurang berpengetahuan. Hasil kajian ini ditunjukkan dengan lengkap dalam jadual berikut.

Jadual 4.47 : Tahap kefahaman dan corak tanggapan

Tanggapan		
	Sangat Baik (Frekuensi)	Baik (Frekuensi)
<b>Tahap Kefahaman:</b>		
<b>Baik</b>	11	0
<b>Sederhana</b>	16	44
<b>Kurang Baik</b>	1	19

Sumber: Hasil analisis SPSS melalui borang soal selidik penyelidik

#### 4.11 KESIMPULAN

Bagi menguji tahap kefahaman responden terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam, dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan responden terhadap ilmu-ilmu pengurusan ini masih di peringkat sederhana. Didapati juga bahawa faktor umur dan jangkamasa berkhidmat adalah antara dua faktor yang turut mempengaruhi tahap kefahaman responden. Tinjauan yang dibuat menunjukkan bahawa tahap kefahaman yang sederhana ini disebabkan oleh kurangnya penguasaan secara menyeluruh berkaitan ilmu-ilmu pengurusan Islam. Kebanyakan responden tidak melihat kepentingan menguasai ilmu pengurusan Islam ini dalam urusan kerja harian mereka. Responden juga kurang

mengambil inisiatif sendiri untuk mendalami dan meningkatkan pengetahuan mereka terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

Bagi menguji corak tanggapan responden pula, kesimpulan yang boleh dibuat ialah, kesemua responden mempunyai tanggapan yang positif terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Didapati juga bahawa faktor pendidikan, jawatan, jangkamasa berkhidmat, kehadiran ke kursus dan latarbelakang keluarga adalah antara beberapa faktor yang turut mempengaruhi corak tanggapan responden. Tinjauan yang dibuat menunjukkan bahawa tanggapan yang positif ini adalah disebabkan oleh sikap optimis responden terhadap apa-apa juga usaha-usaha yang dilakukan untuk memartabatkan Islam sebagai satu panduan hidup.